



Robot peronda di Toa Payoh
- Muka 2



Cabaran badan Melayu/Islam kumpul derma di tengah pandemik
- Muka 4



Anisa Hassan pencari jodoh pencetus inspirasi
- Muka 3

Faishal: Lebih ramai Melayu pindah dari flat sewa ke flat sendiri

Usaha DIAN@M³ yang akan dirintis jelang akhir tahun ini seiringan dengan program pemerintah diharap dapat bantu lebih ramai memiliki rumah

► **ERVINA MOHD JAMIL**
erwinamj@sph.com.sg

SEMENTARA lebih ramai orang Melayu yang tinggal di flat sewa adalah sesuatu yang menimbulkan keprihatinan, terdapat juga trend positif lebih ramai keluarga yang berpindah dari flat sewa ke flat yang dimiliki sendiri sepanjang tempoh lima tahun lalu.

Berkongsi butiran, Menteri Negara (Pembangunan Negara merangkap Ehwal Dalam Negeri) Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim berkata 4,600 keluarga telah berpindah dari rumah sewa ke rumah yang mereka miliki sepanjang lima tahun lalu, naik lebih 70 peratus berbanding 2,600 keluarga yang melakukan demikian sepanjang lima tahun sebelum itu.

Daripada 4,600 keluarga yang berpindah dari rumah sewa ke rumah yang mereka miliki

sepanjang lima tahun lalu, 40 peratus merupakan keluarga Melayu.

"Saya harap dengan adanya lebih pendakatan daripada Pasukan Sokongan Bagi Pemilikan Rumah (HST) Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) dan juga Projek DIAN@M³, di mana kita sama-sama mengukuhkan keluarga Melayu dan juga memberikan ruang bagi mereka untuk mengukuhkan pekerjaan mereka, ini boleh membantu mereka memiliki rumah sendiri.

"Sama-sama saya harap kita berganding bahu untuk memberikan sokongan kepada rakan-rakan kita yang tinggal di rumah sewa supaya mereka juga terus berusaha untuk memiliki rumah yang mereka idamkan," ujarnya semasa satu wawancara dengan media bahasa Melayu setempat semalam.

Semasa bertemu dengan keluarga yang kini memiliki rumah sendiri selepas tinggal di flat sewa dahulu, Dr Faishal berkata mere-

ka juga telah berkongsi dengannya bagaimana mereka berjaya memiliki rumah sendiri.

Ini termasuk memasihkan pemikiran yang positif kerana bukan kehidupan yang lebih baik bagi keluarga dan diri mereka; bekerja keras untuk menstabilkan pendapatan; dan mendapatkan sokongan untuk membantu mereka membuat perancangan yang baik.

Dr Faishal berkata HST dan relawan daripada Projek DIAN@M³ akan mendekati golongan ini dan memberi sokongan kepada mereka.

Menerusi bantuan ini, mereka bukan sahaja dapat memupuk aspirasi untuk memiliki rumah tetapi mereka juga akan dibantu membuat perancangan kewangan yang seimbang bagi membangunkan anak, memenuhi keperluan harian dan membeli rumah yang mereka inginkan.

"Kami melihatnya sebagai satu proses untuk membangunkan masyarakat dan saya

yakini kita boleh mencapainya bersama," ujarnya.

Menurut Banci 2020, kadar orang Melayu yang tinggal di flat sewa semakin meningkat, dengan bilangan isi rumah Melayu yang tinggal di flat sewa satu dan dua bilik naik lebih seganda daripada 9,100 keluarga pada 2010, kepada sekitar 18,600 keluarga tahun lalu.

Semasa berucap di Rapat Hari Kebangsaan baru-baru ini, Perdana Menteri Lee Hsien Loong berkata antara sebabnya ialah sebahagian pasangan muda yang berkahwin ingin berikarai sebelum mereka bersedia untuk membeli flat.

Ini tidak begitu membimbangkan tetapi beliau berkata ada juga yang mengalami perubahan mendadak dalam keadaan keluarga atau kewangan mereka. Ada pula yang menghadapi cabaran rumit hingga sukar merancang bagi masa depan.

Dr Faishal berkata jumlah flat sewa juga bertambah dalam tempoh waktu itu.

Namun, beliau berkata flat sewa hanya sementara dan seharusnya menjadi langkah jangka pendek sahaja.

"Kita tidak mahu mereka tinggal lama (di flat sewa) kerana kita mahu memberikan ruang bagi mereka untuk tinggal atau memiliki rumah mereka sendiri kerana ada pelbagai kebaikan dan manfaat apabila seseorang itu tinggal atau memiliki rumah mereka sendiri.

"Dan kita telah melancarkan pelbagai dasar dan pendekatan seperti memberikan geran dan juga menggunakan wadah seperti HST untuk mendekati mereka yang mungkin ada peluang untuk memiliki rumah," ujar Dr Faishal.

■ **Akta Mengekalkan Keharmonian Kaum beri tumpuan kepada aspek pemulihan, bukan hanya hukum** - Muka 3

SOAL JAWAB BERSAMA
DR NUR FARHAN MOHAMMAD ALAMI

KENAPA PENTING WARGA EMAS DAPATKAN VAKSIN COVID-19

Nenek 73 tahun tidak berengah divaksinasi

Laporan penuh muka 9

Sedia tukar bidang perakaunan ke penjagaan warga emas



- Foto BH oleh SYAMIL SAPARI

BERBEKALKAN kelayakan dalam bidang perakaunan, Encik Muhammad Zulkhairi Zailani, bercita-cita tinggi menceburi bidang pengajiannya itu sebagai korjaya. Namun, setelah lulus dengan Nitec Lanjutan daripada Institut Pendidikan Teknikal (ITE) pada Mei 2019, pencarian kerjanya lebih sukar daripada yang disangka. Keadaan diburukkan lagi dengan penularan Covid-19 tidak lama selepas itu.

Justeru, daripada berpeleuk tubuh, Encik Zulkhairi menaman tekad menceburi bidang pekerjaan lain. Peluang itu terbuka menerusi Program Pelatih SGUnited. Melalui program tersebut, Encik Zulkhairi, 26 tahun, kini bertugas sebagai penolong program di pusat kegiatan warga emas badan amal Thye Hua Kwan Moral Charities. Ikuti kisah beliau di Muka 5.

SOLAT Subuh 5.42 Syuruk 6.59 Zuhur 1.04 Asar 4.12 Maghrib 7.07 Isyak 8.16

MENJAMU SELERA DENGAN SELAMAT



Hingga 5 orang dalam setiap kumpulan di tempat makan & minum jika:

- ✓ Semua telah menjalani vaksinasi penuh
- ✓ Telah pulih daripada COVID-19 atau
- ✓ Mempunyai hasil ujian pra-acara negatif yang sah

Kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah yang tinggal serumah boleh disertakan dalam kumpulan tersebut



Hingga 2 orang dalam setiap kumpulan di pusat penjaja dan kedai kopi, tidak kira status vaksinasi



Jangan menemah lebih daripada satu meja, kecuali daripada keluarga yang sama



Pakai pelitup anda apabila tidak makan atau minum



Gunakan sudu garpu hidangan jika berkongsi makanan



Hadkan perjumpaan-perjumpaan sosial kepada 2 dalam sehari




Dapatkan maklumat terkini mengenai COVID-19 dengan mendaftar bagi khidmat WhatsApp Gov.sg (www.go.gov.sg/whatsapp).



RENCANA

Mencari pekerjaan sepenuh masa di tengah-tengah pandemik Covid-19 ini tidak mudah bagi mereka yang baru saja tamat pengajian. Mereka perlu bersaing dengan individu pertengahan kerjaya dan juga mereka yang diberhentikan kerja. Namun, terdapat laluan alternatif di bawah Program Pelatih SGUnited yang membolehkan lulusan baru menimba kemahiran dan pengalaman industri sebagai pelatih. Pengalaman itu kemudian boleh dimanfaatkan dalam pencarian pekerjaan sepenuh masa mereka apabila ekonomi bertambah baik kelak. **BERITA HARIAN** mewawancarai dua individu yang telah menyertai Program Pelatih SGUnited dan malah, ditawarkan pekerjaan sepenuh masa dengan syarikat yang menjalankan latihan.



“Proses mencari pekerjaan menjejaskan keyakinan saya. Meskipun saya meluangkan masa berjam-jam membuat resume dan menghantar banyak permohonan, ketiadaan balasan amat membayangkan. Namun syukur, saya mendapatkan bantuan rakan yang telah temui pekerjaan dalam industri... Percaya pada diri anda dan juga kebolehan anda! Meskipun anda menghadapi cabaran dan ketidakpastian, saya percaya anda mempunyai keberanian dan ketabahan untuk mendapatkan pekerjaan.”

— Encik Muhammad Aidil Juhari.

Dari kejuruteraan bioperubatan ke sains data

Jalani latihan bawah Program Pelatih SGUnited sebagai pelatih saintis data di syarikat Procter & Gamble (P&G) lalu ditawar pekerjaan tetap

► IRMA KAMARUDIN
irma@sph.com.sg

SEJAK di bangku sekolah rendah, Encik Muhammad Aidil Juhari sudah ada minat mendalam dalam bidang mekanik dan robotik.

Maka, tidak hairan apabila beliau memutuskan untuk melanjutkan pengajian sarjana dalam jurusan kejuruteraan bioperubatan di Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dek minatnya dalam teknologi bioperubatan.

Selepas tamat pengajian pada 2019, Encik Muhammad Aidil Juhari, 29 tahun, mula bekerja sebagai sekutu penyelidikan di Makmal Korporat Pembuatan Digital HP-NTU.

Namun, beliau kemudian mahu menimba pengalaman bekerja dalam industri swasta pula dan memahami bagaimana syarikat memanfaatkan sains data untuk memacu inovasi.

Encik Aidil berusaha sendiri meraih kemahiran mengenai visualisasi data dan analisis pembelajaran mesin sendiri. Beliau mula mencari pekerjaan berkaitan sains data demi memenuhi impiannya itu tetapi perjalanannya berliku.

“Proses mencari pekerjaan menjejaskan keyakinan saya. Meskipun saya meluangkan masa berjam-jam membuat resume dan menghantar banyak permohonan, ketiadaan balasan amat membayangkan.

“Namun syukur, saya mendapatkan bantuan rakan yang telah temui pekerjaan dalam industri. Ada yang pernah berada dalam situasi serupa seperti saya, contohnya mereka belajar menjadi seorang jurutera tetapi mahu menukar pekerjaan kepada sains data.

“Saya minta nasihat mereka, dapatkan bantuan mereka untuk memperbaiki resume saya dan cuba cari kerja lagi,” kata beliau, sambil menambah keluarganya juga banyak memberikan sokongan.

Bagaimanapun, Encik Aidil berkata tidak ada banyak tawaran pekerjaan sepenuh masa pada ketika itu. Mujur, beliau menemui peluang latihan di

bawah Program Pelatih SGUnited sebagai pelatih saintis data di syarikat Procter & Gamble (P&G) dan memutuskan menyertai syarikat itu pada September tahun lalu.

Sebagai pelatih saintis data, tugas Encik Aidil adalah untuk memahami tabiat orang ramai berkaitan produk penjagaan rambut di pelbagai pasaran seluruh dunia seperti China dan Amerika Syarikat.

Ini dilakukan dengan mencipta model dan algoritma untuk mendapat tahu tentang corak pengguna.

Beliau juga menggunakan sofware pembelajaran data untuk menganalisa maklum balas pengguna tentang penggunaan harian teknologi syampu generasi seterusnya.

Usahanya berbaloi — Encik Aidil ditawarkan pekerjaan sepenuh masa di P&G pada April lalu dan kini bertugas sebagai saintis bersektu.

Beliau kini sedang membangunkan kaedah automatik untuk mengukur seberapa banyak manfaat yang dapat dihasilkan sebuah produk itu.

“Peranan saya adalah untuk menjadikan tugas teknisyen makmal yang melakukan eksperimen lebih mudah dengan penggunaan mesin automatik.

“Daripada data yang dijana dalam eksperimen mereka, saya gabungkan kemahiran yang saya belajar dalam program pelatih untuk memberikan analisis mendalam mengenai eksperimen yang dijalankan untuk membantu pemiagaan berkembang,” kata beliau.

Encik Aidil menasihatkan lulusan baru yang menghadapi kesukaran mencari pekerjaan untuk memanfaatkan inisiatif sedia ada seperti Program Pelatih SGUnited dan laman mycareersfuture.gov.sg.

Ini selain mendapatkan nasihat dan pandangan rakan atau individu yang bekerja dalam industri yang mereka mahu cuba.

“Percaya pada diri anda dan juga kebolehan anda! Meskipun anda menghadapi cabaran dan ketidakpastian, saya percaya anda mempunyai keberanian dan ketabahan untuk mendapatkan pekerjaan,” kata beliau.

TUKAR PEKERJAAN: Dek minatnya dalam sains data, Encik Muhammad Aidil Juhari memutuskan menyertai syarikat P&G sebagai pelatih saintis data di bawah Program Pelatih SGUnited untuk menimba ilmu dan kemahiran, dan kini bekerja sepenuh masa sebagai saintis bersektu dengan syarikat itu selepas ditawarkan pekerjaan tetap. Sebagai pelatih saintis data, tugas Encik Aidil adalah untuk memahami tabiat orang ramai berkaitan produk penjagaan rambut di pelbagai pasaran seluruh dunia seperti China dan Amerika Syarikat. — Foto P&G

Hargai peluang ceburi bidang jagaan warga emas

MINAT beliau dalam nombor telah mendorong Encik Muhammad Zulkhairi Zailani melanjutkan pengajian dalam jurusan perakaunan di Institut Pendidikan Teknikal (ITE) selepas tamat pendidikan sekolah menengah.

Selepas selesai menjalani Perkhidmatan Negara (NS) pada Mei 2019, beliau meluahkan perancangan mencari pekerjaan dalam bidang perakaunan dengan berbekalkan sijil Nitec Lanjutan.

Namun, ia tidak semudah yang disangka. Tiada satu pun balasan yang diterima bagi pekerjaan perakaunan yang dimintanya.

Encik Zulkhairi cuba mencari pekerjaan dalam bidang lain menerusi agensi pekerjaan tetapi kebanyakannya menawarkan pekerjaan kontrak.

Tidak berputus asa, beliau menemui pula peluang latihan di bawah Program Pelatih SGUnited sebagai penolong program di pusat kegiatan warga emas badan amal Thye Hua Kwan Moral Charities tidak lama selepas itu.

“Saya tahu hakikatnya, pasaran pekerjaan terjejas teruk dek pandemik dan adalah mencabar untuk mencari pekerjaan sepenuh masa.

“Oleh itu, saya beritahu diri saya sendiri untuk mengambil peluang peranan pelatih

ini kerana saya rasa ia adalah masa yang baik untuk belajar, raih kemahiran baru dalam pekerjaan itu, dan dilengkapi dengan pengalaman industri yang berharga.

“Dengan itu, saya berharap ia akan dapat membantu saya dalam permohonan pekerjaan dalam masa depan apabila ekonomi pulih,” kata beliau.

Malah, dek prestasinya yang baik sebagai pelatih, Encik Zulkhairi menerima berita baik ditawarkan pekerjaan sepenuh masa bersama badan amal itu pada Mei lalu.

Semasa menjadi pelatih sebelum ini, Encik Zulkhairi bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program di pusat kegiatan warga emas di Ang Mo Kio serta menyelenggarakan kunjungan untuk mendekati golongan itu.

Menerusi peluang latihan itu, beliau belajar cara berinteraksi dengan warga emas dan meraih kemahiran mendengar dengan empati serta memperkasakan mereka untuk mencapai sesuatu sendiri agar mereka dapat menikmati usia senja dengan lebih bermakna.

“Bahagian terbaik dalam program pelatih ini adalah melihat warga emas tersebut senyum sebelum mereka meninggalkan pusat ini,” kata beliau.

Bahkan semasa pandemik ini, Encik Zulkhairi telah mencipta kod bar bagi lebih 500 klien warga emas dalam usaha melaksanakan langkah pengurusan selamat.

Setiap warga emas itu diberi kod QR unik masing-masing agar ia lebih mudah untuk memantau kehadiran mereka di pusat kegiatan warga emas itu, sekali gus melancarkan proses daftar keluar dan masuk.



Sebagai kakitangan sepenuh masa kini, beliau mengendalikan projek bar bagi warga emas, seperti Program Rakan dan Pendamping Pusat Pemuaian Aktif dan Program Keep Active Keep Involved (Kaki).

Encik Zulkhairi berkata beliau tidak dapat tidur malam pada hari beliau mendapat berita ditawarkan pekerjaan sepenuh masa kerana rasa terlalu gembira dan sebelum ini sudah ada rancangan untuk terus kekal bekerja dalam sektor penjagaan warga emas.

Bagi lulusan baru yang sedang menghadapi cabaran dalam usaha mencari pekerjaan, Encik Zulkhairi berkata: “Jangan pernah putus asa. Akan selalu ada cahaya di hujung terowong.”

CUBA BIDANG BARU

Walaupun minat asalnya ialah dalam bidang perakaunan, Program Pelatih SGUnited telah memberi peluang kepada Encik Muhammad Zulkhairi Zailani meneroka sektor penjagaan warga emas dan beliau kini bekerja sepenuh masa di pusat kegiatan warga emas badan amal Thye Hua Kwan Moral Charities. — Foto BH oleh SYAMIL SAPARI

“Saya tahu hakikatnya, pasaran pekerjaan terjejas teruk dek pandemik dan adalah mencabar untuk mencari pekerjaan sepenuh masa.

Oleh itu, saya beritahu diri saya sendiri untuk mengambil peluang peranan pelatih ini kerana saya rasa ia adalah masa yang baik untuk belajar, raih kemahiran baru dalam pekerjaan itu, dan dilengkapi dengan pengalaman industri yang berharga.

Dengan itu, saya berharap ia akan dapat membantu saya dalam permohonan pekerjaan dalam masa depan apabila ekonomi pulih.”

— Encik Muhammad Zulkhairi Zailani.